

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 8 APRIL 2015

SOALAN : 22

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) apakah anggaran kos janakuasa nuklear, perincian kos dan kaedah pembiayaan, berikutan pengumuman ETP berkenaan EPP 11, iaitu pembinaan janakuasa nuklear di dalam negara; dan
- (b) senaraikan lokasi-lokasi cadangan pembinaan janakuasa nuklear, serta laporan impak alam semula jadi pembinaan janakuasa nuklear ini.

**JAWAPAN: (YB DATO' MAH SIEW KEONG, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Penilaian pembiayaan, atau, dengan izin, *financing assessment*, untuk penjanaan kuasa nuklear serta opsiyen bagi kaedah pembiayaannya, adalah sebahagian daripada Kajian Kemungkinan, atau, dengan izin, *Feasibility Study*, yang sedang dilaksanakan. Kajian penilaian pembiayaan ini merangkumi aspek kos pembiayaan, atau, dengan izin, *cost of financing*.

Anggaran kos yang dinyatakan dalam buku Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi dua (2) unit loji janakuasa nuklear berkeupayaan 1,000 Megawatt setiap satu, di bawah Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project (EPP)*, nombor 11 bagi Penggunaan Tenaga Nuklear untuk Penjanaan Elektrik dalam sektor Minyak, Tenaga dan Gas, adalah RM 21.3 billion. Anggaran kos ini adalah berdasarkan kos loji berkenaan sahaja, atau, dengan izin, *overnight cost*, pada masa itu, dan tidak termasuk kos pembiayaan, atau, dengan izin, *cost of financing*. Kos pembiayaan ini bergantung kepada kaedah pembiayaan yang sedang dikaji dalam Kajian Kemungkinan yang sedang dilaksanakan. Hasil kajian penilaian pembiayaan ini akan diambilkira dalam membuat keputusan mengenai projek loji janakuasa nuklear kelak.

Lokasi-lokasi untuk kajian tapak pembinaan janakuasa nuklear belum dikenalpasti. Tiada sebarang kajian lapangan, atau, dengan izin,

fieldwork, untuk pemilihan tapak loji janakuasa nuklear telah dilaksanakan sehingga kini.

Sehingga kini, hanya kajian secara umum menggunakan komputer dan pelbagai jenis peta-peta digital, atau, dengan izin, *desk-top study*, telah dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 2009 hingga 2010, sebelum penubuhan, dengan izin, *Malaysia Nuclear Power Corporation* (MNPC) pada Januari 2011. Hasil kajian ini adalah secara umum dan tidak spesifik kepada lokasi, kerana tiada maklumat mengenai struktur dalam bumi yang hanya boleh diperolehi melalui kajian lapangan, atau, dengan izin, *fieldwork*.

Apabila kajian lapangan berkenaan dilaksanakan, maklumbalas daripada masyarakat setempat di sekitar tapak berkenaan akan diperolehi berdasarkan peraturan dan garis panduan kawalseliaan, atau, dengan izin, *regulations and regulatory guides*, yang sedia ada bagi Penilaian Terperinci Impak Alam Sekitar, atau, dengan izin, *Detailed Environmental Impact Assessment* (DEIA), Penilaian Kesan Radiologi, atau dengan izin, *Radiological Impact Assessment* (RIA) dan Penilaian Impak Sosial, atau, dengan izin, *Social Impact Assessment* (SIA).

Sekian, terima kasih.